

Atlet Berbasikal UMP sumbang pingat

KUANTAN- Atlet Berbasikal Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr Mohd Fakhrruzai Ishak meraih pingat perak dalam acara basikal bagi kategori Individu (VIP) pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukum) ke-43 baru-baru ini.

Walaupun terpaksa berpuas hati di tempat kedua selepas tewas kepada atlet Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Dr Mohd Irwan Yusof tetap bersyukur dan berpuas hati dengan kemenangan itu.

Menurut Dr Mohd Fakhrruzai, ia amat bermakna pada dirinya yang julung kali beraksi dalam acara berbasikal di Kejohanan Sukum.

Kejayaan itu, katanya berkat usaha semua warga UMP yang banyak memberi sokongan kepada atlet universiti.

Justeru, beliau turut merakam penghargaan terima kasih kepada jurulatih, Pusat Sukan UMP dan pihak pengurusan tertinggi yang memberi kepercayaan untuk menyertai pertandingan ini.

"Sebenarnya saingan amat sengit terutama daripada pelumba yang lebih pengalaman dan muda, namun saya sahut cabaran ini dengan tekad dan berani melakukan sehabis baik," katanya yang juga Ketua Program Teknologi Kejuruteraan Pengurusan Insfrastuktur, Fakulti Teknologi Kejuruteraan UMP.

Dalam acara itu, pingat gangsa dimenangi atlet Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Dr Mohd Shaffid Md Shariff.

Majlis penyampaian hadiah disampaikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Prof Dr Yusserrie Zainuddin.

Acara berbasikal disertai lebih 190 atlet universiti seluruh negara dengan jarak perlumbaan 42 kilometer bermula dari UMP Pekan.

Acara dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Lumba Individu (VIP), Lumba Individu (MTB - Senior dan Veteran) dan acara Ujian Masa Berpasukan (TTT).



Naib Canselor UMP, Datuk Seri Prof Dr Daing Nasir Ibrahim melepaskan peserta acara basikal bagi kategori Individu (VIP) dalam Kejohanan Sukum ke-43 baru-baru ini.



Mohd Fakhrruzai Ishak (kiri) bersama atlet UniMAP, Dr Mohd Irwan Yusof (tengah) dan Dr Mohd Saffid Md Shariff dari USIM.

Turut serta Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Datuk Prof Ts Dr Shahrin Sahib bagi Kategori Lumba Individu (VIP).

Sementara itu bagi kategori Lumba individu MTB (Senior), pingat emas diraih Saiful Nizwan

Mhd Saleh dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), perak dan gangsa pula dimenangi Muhammad Adhwa Amzar Sagnal dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Muhammad Firdaus Osman dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Manakala kategori Lumba Individu MTB (Veteran), pingat emas dan perak menjadi milik Universiti Sains Malaysia (USM) menerusi atlet, Abdul Halim Che Aat dan Mohd Kamil Ashar manakala pingat gangsa dimenangi Ahmad Ritaudin Hamzah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Bagi kategori Ujian Masa Berpasukan, pingat emas dimenangi

pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM), pingat perak diraih UTeM dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) membawa pulang pingat gangsa.

Kejohanan Sukum menyaksikan 2,600 atlet dan pengurus pasukan membabitkan 21 kontingen universiti awam berkampung di UMP sebagai tuan rumah.

Sebanyak 17 acara sukan dipertandingkan termasuk futsal, basikal, olahraga, badminton, sepak takraw dan catur.

Acara lain ialah tenis, ping pong, lawn bowls, memanah, petanque, temping boling, golf, bola sepak, memancing, bola tampar dan bola jaring.